

Majikan tanggung kos RM2.35b

Cuti bersalin 90 hari beri kesan negatif kepada daya saing Malaysia

Oleh Zanariah Abd Mutalib
zanariah@bharian.com.my

KUALA LUMPUR: Majikan di negara ini terpaksa menanggung kos cuti bersalin yang dianggarkan mencecah RM2.35 bilion setahun sekiranya cuti bersalin 90 hari dengan gaji penuh dilaksanakan.

Pengarah Eksekutif Persekutuan Majikan Malaysia (MEF), Shamsuddin Bardan, berkata jumlah itu adalah pertambahan sebanyak RM780 juta daripada anggaran kos yang ditanggung majikan berdasarkan cuti bersalin 60 hari yang dilaksanakan pada masa ini iaitu

RM1.57 bilion setahun.

"Jumlah ini sudah tentu akan memberi kesan negatif kepada daya saing Malaysia yang baru-baru ini yang berada di tangga ke-10, berbanding tangga ke-18 tahun lalu.

"Majikan di Malaysia terpaksa menanggung sepenuhnya kos untuk 60 hari cuti bersalin pada masa ini sehingga kelahiran anak kelima yang hidup, berbeza dengan negara jiran termasuk Thailand dan Indonesia di mana kos cuti bersalin ditanggung Sistem Keselamatan Sosial negara berkenaan," katanya.

Beliau berkata demikian ketika diminta mengulas mengenai cuti bersalin 90 hari

yang akan dibentangkan kepada Kabinet bulan depan dan juga sama ada pertambahan cuti 30 hari itu wajar diberikan gaji penuh, tanpa gaji atau dikongsi antara suami dan isteri.

“Ketika ini, tanpa sebarang peningkatan hari cuti bersalin pun, majikan sudah menghadapi pelbagai cabaran untuk mengekalkan produktiviti ”

Shamsuddin Bardan
Pengarah Eksekutif MEF

mi dan isteri.

Shamsuddin berkata, sebarang penambahan cuti bersalin akan menjejaskan peluang pekerjaan kepada kaum wanita, yang seterusnya



nya membantutkan usaha kerajaan untuk meningkatkan penyertaan kaum wanita dalam pasaran buruh yang pada masa ini hanya berada pada kadar 46.7 peratus.

"Seorang pekerja wanita yang bersalin pada tahun berkenaan dan diberi cuti bersalin 60 hari hanya akan bekerja selama 147 hari setahun dan jika dinaikkan kepada 90 hari, maka tempoh bekerja hanya tinggal 117 hari.

"Ketika ini, tanpa sebarang peningkatan hari cuti bersalin pun, majikan sudah menghadapi pelbagai cabaran untuk mengekalkan produktiviti apabila seorang pekerja wanita cuti bersalin," katanya.